

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 JUNE 2016

Amal mesra keluarga, kepelbagaian jantina dalam tenaga kerja

# Saranan Najib kepada swasta

UM - 29/6/2016

Oleh HUSSAINI AMRAN

hussaini.amran@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 JUN

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak menyarankan kepada para majikan dalam sektor swasta supaya mengamalkan dasar mesra keluarga dan juga kepelbagaian jantina dalam tenaga kerja mereka.

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu bagi memastikan semua anggota masyarakat termasuk wanita dan golongan B40 (isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah) turut terlibat dalam usaha mencapai negara maju menjelang 2020.

Menurut beliau, segala kemajuan ekonomi yang dicapai negara ini akan menjadi lebih bermakna apabila hasrat tersebut dicapai.

“Sejak dahulu lagi, saya menyokong dasar-dasar berkaitan kepelbagaian jantina dan mesra keluarga.

“Dengan kemajuan teknologi, adalah lebih mudah bagi menjadikan perkara ini sebagai norma dalam kalangan tenaga kerja kita, dengan memberi fleksibiliti kepada para pekerja bukan sahaja untuk

menyelesaikan urusan peribadi mereka malah bagi menyegarkan minda mereka,” katanya dalam kenyataan melalui laman blog NajibRazak.com hari ini.

Najib mengulas tentang sesi dialog beliau bersama wakil wanita dalam tenaga kerja yang dianjurkan Talent Corporation (TalentCorp) di Putrajaya semalam.

Perdana Menteri memberitahu, kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja pada masa ini adalah 54.1 peratus atau kira-kira 700,000 orang.

Beliau menambah, statistik yang dikeluarkan Bursa Malaysia menunjukkan wanita menduduki 26.3 peratus jawatan pengurusan tertinggi pada tahun lalu.

“Perkembangan tersebut adalah hasil pelbagai inisiatif yang diperkenalkan untuk menyokong dan menjana potensi ekonomi golongan wanita,” jelasnya.

Najib turut memuji peranan yang dimainkan oleh TalentCorp berhubung tawaran pekerjaan terhadap golongan wanita serta memastikan mereka kekal dalam sektor korporat di negara ini melalui pelaksanaan Program Kembali

Bekerja dan inisiatif ‘flexWorkLife.my’.

“Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada syarikat-syarikat korporat seperti BASF Asia Pacific Service Centre, Kumpulan CIMB, IBM Malaysia, IHS Global, Intel, PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia, Kumpulan Sunway dan Kumpulan UEM kerana menerajui korporat Malaysia dalam melaksanakan agenda kepelbagaian serta keterangkuman,” katanya.

Beliau berkata, sebagai contoh, PwC merupakan antara syarikat besar pertama yang mengumumkan cuti bersalin 90 hari kepada pekerja wanitanya, Kumpulan Sunway mempunyai 26 peratus wanita dalam pengurusan kanannya manakala Kumpulan CIMB melakukan lonjakan besar melalui Program Peremajaan Pekerja yang dilaksanakannya.

Menurut Najib, inisiatif yang dijalankan syarikat-syarikat terbabit membolehkan eksekutif-eksekutif kanan wanita seperti Anna Marina Chen dan Chong Chye Neo kembali bekerja setelah meluangkan masa lebih setahun untuk menguruskan keluarga.